



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
BAHAGIAN SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN

# KENYATAAN PELAWAAN PENILAIAN JUDUL BAHAN BACAAN TAMBAHAN (BBT) TAHUN 2024

1. Tawaran adalah dipelawa **kepada penerbit/pembekal tunggal (*sole distributor*)** tempatan yang berwibawa dan berkeupayaan serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010102 (Bahan Bacaan) yang masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran.
2. Bahan bacaan meliputi bahan-bahan bercetak sama ada fiksi dan bukan fiksi dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris sahaja. Bahan-bahan yang mengandungi elemen-elemen yang menyokong kemahiran mentafsir, penyelesaian masalah dan kemahiran berfikir aras tinggi adalah digalakkan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada bahan-bahan bacaan seperti berikut:
  - a. Bahan bacaan bagi kategori prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.
  - b. Bahan bacaan yang dapat meningkatkan profisiensi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris murid.
  - c. Bahan bacaan yang dapat menarik minat membaca dalam kalangan murid.
  - d. Bahan bacaan berkaitan *Science, Technology, Engineering and Mathematics* (STEM).
  - e. Bahan bacaan yang boleh menyokong pemahaman, perancangan dan pelaksanaan inisiatif-inisiatif Dasar Pendidikan Digital.
4. **Buku teks, buku lembaran kerja, buku ulang kaji, bimbingan peperiksaan dan seumpamanya TIDAK TERMASUK** dalam program ini.
5. Taklimat berkaitan pelawaan ini akan diadakan pada ketetapan yang berikut:

Tarikh : 19 Disember 2023 (Selasa)  
Masa : 10.30 pagi  
Tempat : Auditorium Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) , Persiaran Bukit Kiara, Bukit Damansara, 50604 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
6. **Kehadiran dan penyertaan pihak penerbit/ pembekal tunggal (*sole distributor*) yang berminat semasa taklimat adalah WAJIB.**

# SYARAT PENYERTAAN

Semua penerbit/pembekal tunggal (*sole distributor*) yang berminat untuk menyertai tawaran ini mesti mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat yang berikut boleh menyebabkan bahan bacaan yang dikemukakan tidak dinilai.

1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang 010102 (Bahan Bacaan) dan mengemukakan sesalinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pendaftaran Syarikat/Perniagaan semasa taklimat(pendaftaran).
2. Bahan bacaan yang diterima untuk penilaian adalah bahan yang diterbitkan dalam negara atau luar negara bermula daripada **tahun 2022 ATAU 2023** yang telah berada di pasaran. Bahan yang telah dihantar untuk **penilaian sebelum ini** adalah **tidak dibenarkan untuk penghantaran semula**.
3. **Syarikat pembekal tunggal (*sole distributor*) hendaklah mengemukakan surat kebenaran daripada penerbit asal.**
4. Syarikat penerbit/pembekal tunggal (*sole distributor*) hendaklah mengemukakan **dua (2) naskhah bagi setiap judul bahan bacaan** untuk dinilai.
5. KPM tidak meletakkan sebarang had penghantaran bahan bacaan kepada penerbit/pembekal tunggal (*sole distributor*).
6. Penilaian dan kos penilaian bahan bacaan bersiri akan dilaksanakan secara berasingan mengikut jumlah bahan bacaan.
7. Syarikat penerbit/pembekal tunggal (*sole distributor*) hendaklah menyerahkan semua bahan bacaan mengikut tarikh dan tempat yang ditetapkan seperti yang berikut:  
**Tarikh penghantaran : 26 Disember 2023 hingga 5 Januari 2024**  
**Waktu penghantaran : Isnin hingga Khamis : 9.00 pagi - 3.00 petang**  
**: Jumaat 9.00 pagi-11.00 tengah hari**  
**Tempat penghantaran : Pusat Sumber, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan.**
8. Semua bahan bacaan perlu diasingkan, diikat dan dimasukkan ke dalam kotak serta dialamatkan kepada Pengarah, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Persiaran Bukit Kiara, 50604 Kuala Lumpur.
9. Bahan bacaan yang diserahkan akan menjadi hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan tidak akan dikembalikan.
10. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak terikat dengan sebarang bentuk perolehan dan pembekalan terhadap bahan bacaan yang telah dinilai.

11. Kadar caj penilaian yang dikenakan adalah seperti yang berikut:

<b>Bil</b>	<b>Harga Bahan Bacaan</b>	<b>Caj Penilaian</b>
1	Tidak melebihi RM20.00	RM50.00
2	Melebihi RM20.00 – RM40.00	RM70.00
3	Melebihi RM40.00 – RM60.00	RM90.00
4	Melebihi RM60.00 – RM80.00	RM110.00
5	Melebihi RM80.00 – RM100.00	RM130.00
6	Melebihi RM100.00	RM150.00

12. Semua Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Bank Draf sahaja** atas nama **Ketua Akauntan, Kementerian Pendidikan Malaysia di Kaunter Pembayaran, Unit Kewangan dan Akaun, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Persiaran Bukit Kiara, 50604 Kuala Lumpur**. Masa pembayaran ialah pada **jam 9.00 pagi – 12.00 tengah hari, Isnin hingga Jumaat**.